



**MAJLIS MAKAN MALAM
A NIGHT TO REMEMBER
“GREAT LEADER WILL CREATES THE
COLOURS”**

&

**AMANAT KETUA PENGARAH
PERKHIDMATAN AWAM**

**SEMPENA MAJLIS PENUTUPAN
ADVANCED LEADERSHIP MANAGEMENT
PROGRAMME (ALMP) SIRI 80, BIL. 2/2024**

TARIKH : 24 MEI 2024 (JUMAAT)
**TEMPAT : KELAB GOLF PERKHIDMATAN
AWAM (KGPA), KUALA LUMPUR**
MASA : 8.00 MALAM

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum W.B.T.

Salam Sejahtera, Salam Perpaduan dan Salam Malaysia
MADANI.

Terima kasih saya ucapkan kepada pengacara majlis dan
pembaca doa.

SALUTASI

(Disediakan secara berasingan)

Seterusnya YBhg. Dato', YBrs. Dr., tuan-tuan dan puan-puan
yang saya hormati sekalian.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi-tinggi
kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah
kurnia-Nya kita dapat bersama-sama dalam **Majlis Makan
Malam dan Amanat Ketua Pengarah Perkhidmatan
Awam sempena Majlis Penutupan *Advanced
Leadership Management Programme (ALMP) Siri 80,
Bilangan 2/2024*** pada hari ini.
2. Setinggi-tinggi penghargaan saya zahirkan atas komitmen
dan kehadiran semua dalam menjayakan majlis pada
malam ini.

3. Begitu juga, terima kasih saya ucapkan atas jemputan kepada saya untuk menyantuni para peserta ALMP sekalian. Saya difahamkan ada 44 orang peserta semuanya pada kali ini, yang datang daripada pelbagai latar belakang skim perkhidmatan – ada doktor, ada jurutera, ada PTD, ada guru dan sebagainya.
4. Waima apa pun, realitinya, tuan-tuan dan puan-puan kini, telah pun berada setapak di atas sebagai Penjawat Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam atau PPTPA, yang jika secara hierarki yang umum, paling tidak, sudah menjadi Ketua Bahagian di Jabatan masing-masing.
5. Justeru, dengan kesempatan ini, saya ingin menyampaikan beberapa amanat penting berkaitan hala tuju negara pada masa kini, yang pada hemat saya penting untuk ditekankan. Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk mengingatkan semua akan komitmen dan penghasilan yang dituntut kepada kita sebagai Penjawat Awam bagi menjayakannya.

GAGASAN ASPIRASI PIMPINAN TERTINGGI NEGARA

Hadirin yang saya hormati sekalian,

6. Jika semua masih ingat, ketika **Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri** menyampaikan aspirasi **Membangun Malaysia MADANI** pada dua tahun lepas, beliau ada menyentuh berkenaan dengan cabaran global pasca-normal yang perlu kita depani dalam mengemudi negara.

7. Cabaran-cabaran yang dimaksudkan ini ditandai dengan **kerumitan (*complexity*), percanggahan (*contradiction*), kekacauan (*chaos*) dan keserentakan (*simultaneity*).**
8. Lantaran itu, dasar **Malaysia MADANI** diperkenalkan sebagai langkah Kerajaan dalam memetakan **strategi pentadbiran negara yang lebih strategik, teratur dan menyeluruh.**
9. Bagi merealisasikan gagasan ini, setiap lapisan Penjawat Awam mempunyai peranan yang amat besar mengikut kapasiti tugas masing-masing. Kita perlu bertindak sebagai mata dan telinga Kerajaan untuk **meneliti permasalahan rakyat, menyampaikan keluh kesah mereka untuk pertimbangan dasar oleh Kerajaan, dan seterusnya melaksanakan segala inisiatif mahupun program yang ditetapkan** supaya hasilnya dapat dirasakan dan dinikmati oleh rakyat.
10. Bukan itu sahaja, **Kerajaan turut memfokuskan** kepada penerapan **budaya teknologi digital dan kecerdasan buatan (AI)**, selaras dengan tuntutan peredaran dunia yang semakin pantas dan tanpa batasan.
11. Dalam hubungan ini, kita sebagai **Penjawat Awam perlu sentiasa bersiap sedia untuk menghadapi gelombang perubahan ini.** Pelaksanaan tugas kita tidak lagi boleh berada di takuk lama. Sebaliknya, kita perlu lakukan hijrah tata kelola yang dinamik dan mampu disesuaikan dengan kehendak semasa.

12. Contoh yang dekat dengan kita dan boleh diikuti adalah seperti komitmen yang ditunjukkan sendiri oleh Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Ketua Setiausaha Negara (KSN). Sepanjang menerajui perkhidmatan awam, beliau telah memperkenalkan beberapa aspirasi dan prinsip seperti yang semua boleh lihat pada paparan skrin di hadapan. Setiap satu daripadanya disesuaikan dengan situasi semasa negara serta hala tuju Kerajaan yang memerintah.
13. Bahkan, Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri KSN dalam amanat beliau pada awal tahun hari itu turut menekankan bahawa **perkhidmatan awam ialah benteng negara**, yang berperanan penting dalam mempertahankan negara daripada perkara-perkara seperti salah laku serta rasuah.
14. Justeru, tuan-tuan dan puan-puan seharusnya mengambil teladan ini dengan menggerakkan inisiatif baharu yang lebih segar.
15. Segala ketetapan dan tatacara lapuk perlu diteliti semula, dibuat penambahbaikan dan diberi nafas baharu agar sistem penyampaian perkhidmatan di organisasi masing-masing sentiasa relevan dan paling penting, memenuhi permintaan serta keperluan *stakeholders* termasuk rakyat, lebih-lebih lagi dalam persekitaran masa kini yang penuh dengan cabaran.

TUJUH (7) CABARAN PERKHIDMATAN AWAM DALAM MENJAYAKAN AGENDA NASIONAL

Sidang hadirin yang saya kasihi sekalian,

16. Dalam konteks Penjawat Awam, ada **tujuh (7) cabaran utama** yang perlu kita tangani bersama. Dan sebenarnya, untuk makluman semua, ketujuh-tujuh cabaran ini juga merupakan inti pati perbincangan semasa Sesi Permukiman Jemaah Menteri pada 17 hingga 18 Januari 2024 yang lalu. Saya kelompokkan tujuh (7) cabaran ini kepada empat (4).
17. Pertamanya, daripada aspek pengurusan sumber manusia. Kita berhadapan dengan dua (2) cabaran utama, iaitu **modal insan yang kurang kompeten** serta isu **penarikan dan pengekalan bakat terbaik** untuk organisasi. Situasi ini menyebabkan organisasi tidak berupaya menghasilkan tugas yang boleh memenuhi kehendak pelanggan.
18. Kedua ialah daripada aspek fungsi serta sistem yang ada antara kementerian dan jabatan – **masih terdapat jurang** dan juga masih berakar mentaliti “*silo*”. Ini sudah pasti membawa kepada situasi **organisasi yang tidak kejut**, berlaku pertindihan fungsi dan wujudnya “*red tape*”.
19. Begitu juga dengan **sistem penyampaian perkhidmatan** kita yang masih lagi dibayangi dengan kaedah **konvensional**. Lantaran itu, terdapat keperluan untuk kita meneroka strategi, kaedah dan tatacara tertentu bagi **mendigitalkan penyampaian perkhidmatan** organisasi.

20. Ketiga adalah daripada aspek integriti. **Penyalahgunaan kuasa serta rasuah** merupakan isu yang sememangnya mencalarkan imej Perkhidmatan Awam. Lantaran itu, saya menyeru agar tindakan segera yang serius diambil bagi **membanteras sebarang potensi salah laku** dengan cepat serta berkesan.
21. Dan yang keempat, adalah daripada segi bebanan kewangan kepada Kerajaan. Dalam hal ini, antara isu yang sering diperdebatkan ialah pencen Penjawat Awam. Begitu juga dengan perihal sistem saraan yang tidak progresif.
22. Baru-baru ini YAB Perdana Menteri telah mengumumkan berkenaan dengan kenaikan gaji melebihi 13 peratus yang bakal dinikmati oleh Penjawat Awam berkuat kuasa Disember 2024. Alhamdulillah, sesuatu yang kita semua Penjawat Awam nanti-nantikan selama ini.
23. Namun begitu, sebagaimana yang ditekankan oleh YAB Perdana Menteri dalam ucapannya semasa Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri pada 6 Mei 2024 yang lalu, mereka yang bermasalah, tidak berdisiplin, dan berprestasi rendah adalah tidak wajar diberikan kenaikan gaji secara automatik.
24. Di peringkat JPA, saya telah pun mengarahkan agar satu mekanisme atau kaedah yang bersesuaian diwujudkan bagi mencapai hasrat ini.

25. Jadinya, saya ingin mengingatkan pada semua yang ada di sini, juga kepada diri saya sendiri, malah, sampaikan juga kepada anak-anak buah kita di pejabat nanti, agar sentiasalah memberikan perkhidmatan yang terbaik walau di mana pun penempatan kita, walau di gred apa pun kita, seiring dengan aku janji kita, iaitu “**Berkhidmat Untuk Negara**”.
26. Sebelum saya terlupa, satu lagi perkara. Pada Selasa baru-baru ini, dalam Perutusan Negara, YAB Perdana Menteri telah menyentuh mengenai beberapa perkara yang perlu kita berikan perhatian.
27. Selain menerangkan berkenaan dengan kedudukan ekonomi semasa negara, beliau juga telah memberikan pencerahan tentang ikhtiar yang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk memacu ekonomi kita.
28. Antaranya, usaha menambah baik kedudukan fiskal negara dengan menggubal **Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal (FRA)**, pengenalan kaedah cukai progresif, serta pelaksanaan subsidi bersasar yang telah banyak menjana penjimatan kepada Kerajaan.
29. Antaranya ialah **penjimatan RM4 bilion hasil subsidi mengikut penggunaan elektrik, dan penjimatan RM100 juta sebulan hasil daripada harga ayam yang diapungkan.**

30. Malah, dianggarkan juga apabila **subsidi bahan api diesel** dilaksanakan kelak akan turut **memberikan penjimatan sehingga RM4 bilion setahun**, yang sudah pasti memberikan manfaat yang lebih kepada pemilik kenderaan diesel individu termasuk petani kecil, pesawah dan peniaga kecil.
31. Dalam hal ini, saya amat berharap tuan-tuan dan puan-puan selaku pegawai **Pengurusan Tertinggi cakna mengenai hal ini, serta berupaya menjadi jurucakap dalam memberikan penerangan dan penjelasan** tentang usaha-usaha yang Kerajaan laksanakan apabila kembali ke organisasi masing-masing kelak, kerana sesungguhnya, jika bukan kita, siapa lagi yang mahu memberitakan perkara yang baik ke luar sana?

H.E.M.A.T. SEBAGAI ASPIRASI BAHARU PERKHIDMATAN AWAM

YBhg. Dato', YBrs. Dr., tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

32. Dalam Majlis Perhimpunan JPA dan Amanat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam pada awal tahun tempoh hari, saya telah pun memperkenalkan **nilai baharu Penjawat Awam, iaitu H.E.M.A.T.**
33. **H.E.M.A.T.** merupakan kombinasi kepada nilai **“Hijrah Tata Kelola”, “Empati Rakyat”, “Minda Pekin”, “Apresiasi Inovasi” dan “Telus Tadbiran”**.
34. Secara definisi mudahnya, boleh dikatakan bahawa

H.E.M.A.T. ini adalah merujuk kepada **kewaspadaan kita dalam tindakan, serta ketelitian kita dalam melaksanakan segala tugas** yang diamanahkan dengan **rapi, cekap dan efisien**.

35. Bagi maksud itu, kita mestilah sentiasa **kreatif dan inovatif** dalam memanfaatkan sumber-sumber sedia ada, lebih-lebih lagi dalam upaya kita untuk **meneroka pelbagai inisiatif baharu** yang bersesuaian dengan kehendak semasa serta memenuhi keperluan rakyat. Perkara ini juga hendaklah disandarkan kepada aspek integriti serta amalan **semak dan imbang** selaras dengan tata kelola yang baik.
36. Seiring dengan nilai-nilai ini, kita juga perlu memperkukuh penyampaian perkhidmatan kepada rakyat dengan bersandarkan pada tiga prinsip yang sering saya sebutkan, iaitu **Memudahkan (*Facilitate*)**, **Menyesuaikan (*Accomodate*)**, dan **Menyegerakan (*Accelerate*)**.
37. “***Facilitate***” bermaksud kita perlu memudahkan urusan yang melibatkan pemegang taruh termasuk pelanggan. Manakala “***Accomodate***” merujuk kepada bagaimana kita menyesuaikan cara kerja agar selari dengan agenda semasa Kerajaan. Dan, “***Accelerate***” yang mempunyai perkaitan dengan kepantasan bekerja.
38. Semoga, nilai H.E.M.A.T. yang digariskan ini dan juga tiga prinsip yang saya sebutkan tadi akan dapat diserap dan diasimilasikan oleh tuan-tuan dan puan-puan ke dalam organisasi masing-masing kelak.
39. Insya-Allah, usaha kita dalam menjayakan dasar Malaysia

MADANI dan aspirasi “*The G.R.E.A.T. Civil Service*” akan mencapai objektifnya.

PENUTUP

Hadirin yang saya hormati sekalian,

40. Tanggungjawab dan amanah yang digalas oleh Yang Berbahagia Dato’, Dr., tuan-tuan dan puan-puan adalah amat penting dalam memastikan kejayaan semua perancangan Kerajaan.
41. Sebagai pemimpin, kita bukan hanya melihat dalam konteks operasional semata-mata lagi. Sebaliknya, kita perlu melihat perspektif yang lebih strategik dan pada aras “*helicopter view*”. Penyampaian perkhidmatan kini bukan setakat untuk melihat output yang terhasil sahaja, tetapi juga pada “roh” dan nilai yang diterapkan dalam kita menyantuni rakyat.
42. Insya-Allah dengan itu, pelaksanaan inisiatif-inisiatif Kerajaan akan berupaya menatijahkan keberhasilan yang positif dalam memacu kemajuan negara.
43. Dan saya yakin, kesemua 44 orang peserta ALMP Siri 80, Bil. 2/2024 yang ada di hadapan saya ini, akan lulus dengan cemerlang.
44. Doa saya, agar Yang Berbahagia Dato’, Dr., tuan-tuan dan puan-puan akan terus menabur khidmat bakti dengan lebih gigih, memikul amanah dengan telus dan berintegriti, serta

menjayakan sasaran tugas yang ditetapkan dengan baik.

Sekian. Wabillahi Taufiq Wal Hidayah.

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

- TAMAT -

(1,660 patah perkataan tidak termasuk saluti)